

# Dua karyawan wanita Melayu dilantik anggota lembaga pengarah agensi pemerintah

SEORANG peniaga wanita Melayu/Islam dilantik menjadi anggota baru lembaga pengarah sebuah badan berkanun, manakala seorang lagi dilantik semula sebagai anggota lembaga pengarah satu lagi badan berkanun mulai semalam.

Pengarah program mentor perniagaan Adam & Hawa Network, Cik Harasha Bafana, antara enam orang yang dilantik menjadi anggota baru lembaga pengarah Penguasa Pertanian-Makanan dan Ternakan (AVA).


Pengarah Urusan firma cari jodoh IJL Professional Dating (S) Pte Ltd, Cik Anisa Hassan, pula dilantik semula sebagai anggota lembaga pengarah Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA).

Ini diumum dua badan berkanun itu dalam kenyataan masing-masing semalam.

Menurut AVA, enam anggota baru lembaga pengarah itu dilantik mulai hari ini untuk berkhidmat bagi penggal tiga tahun.

Mereka datang daripada pelbagai latar belakang dan masing-masing mempunyai pengalaman dan kemahiran luas dalam bidang seperti perkhidmatan awam, perniagaan, akademik, media dan komunikasi.

Selain Cik Harasha, lima anggota baru itu ialah Encik Lim Neo Chian, mantan pengarah Economic Development Innovations Singapore; Kolonel (Dr) Tang Kong Choong, ketua pegawai perubatan kelautan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF); Cik Chua Mui Hoong, editor pandangan (*opinion*) akhbar *The Straits Times*; Profesor David Chan, Pengarah Institut Sains Tingkah Laku, Universiti Pengurusan Singapura (SMU); dan Encik Lau Teck Sien, rakan kongsi yang juga ke-



**CIK HARASHA BAFANA:** Pengarah program mentor perniagaan Adam & Hawa Network.



**CIK ANISA HASSAN:** Dilantik semula sebagai anggota lembaga pengarah Penguasa Pembangunan Semula Bandar.

tua pegawai pelaburan HOPU Investments.

Encik Lim dilantik juga sebagai timbalan pengurus lembaga itu, manakala Encik Koh Soo Keong dilantik semula sebagai pengurus.

Sementara itu, URA dalam satu kenyataan bersama Kementerian Pembangunan Negara (MND) menyatakan empat muka baru dilantik ke dalam lembaga pengarah badan berkanun itu.

Mereka ialah Encik Khew Sin Khoon, presiden merangkap ketua pegawai eksekutif CPG Corporation; Encik Chew Men Leong, ketua eksekutif Penguasa Pengangkutan Darat (LTA); Cik Brenda Yeoh Saw Ai, dekan Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS); dan Encik Cheong Wei Yang, pengarah perancangan Kementerian Pendidikan (MOE).

Encik Peter Ho Hak Ean dilantik semula sebagai pengurus lembaga URA, manakala lapan anggota lain, termasuk Cik Anisa, turut dilantik semula.

Sebuah lagi agensi pemerintah, Majlis Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (WSH), turut mengumumkan pelantikan dua anggota baru bagi penggal jawatan dua tahun oleh Menteri Tenaga Manusia, Encik Tan Chuan-Jin.

Encik Tan Puay Hin, ketua eksekutif serantau Asia Tenggara PSA International, mengambil alih tempat mendiang Encik Quek Keng Liang sebagai pengurus jawatankuasa logistik dan pengangkutan majlis itu.

Encik Zee Yoong Kang, ketua eksekutif Lembaga Penggalak Kesihatan, akan berkhidmat sebagai timbalan pengurus jawatankuasa kesihatan tempat kerja.